

**NO SOALAN :374**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci senarai nama jenis barang yang dikecualikan dari cukai GST atau kadar sifar GST.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai terperinci barang yang berkadar sifar boleh didapati di dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Selain itu, bagi membantu pengguna mengetahui secara terperinci nama jenis barang yang berkadar sifar, pengguna boleh memuat turun Senarai Barang Serbaneka di portal GST. Senarai Barang Serbaneka mengandungi 1800

jenis barang yang biasa dijual di kedai runcit. Ia juga memudahkan pengguna mengetahui status GST terhadap sesuatu barang semasa membuat pembelian, sama ada sesuatu barang tersebut dikenakan GST atau tidak.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menerbitkan *Shopper's Guide* sebagai panduan kepada perubahan harga, sekiranya berlaku. Dokumen ini dapat membantu pengguna membuat perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Sebanyak 500 jenis barang telah dimasukkan ke dalam panduan harga ini. Panduan ini disediakan berdasarkan 6 wilayah iaitu Tengah, Selatan, Utara, Timur, Sabah dan Sarawak.